

Penglibatan Orang Arab Hadhrami Keturunan Sayyid dalam Urusan Jemaah Haji dari Tanah Melayu Pada Abad ke-19 dan Abad ke-20

The Involvement of Hadhrami Arab Sayyid Descendants in the Affairs of Pilgrims from the Malay Peninsula in the 19th and 20th Centuries

Latifah binti Abdul Latiff¹ & Dini Farhana binti Baharudin²

¹Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan

Article progress

Received: 7 November 2025

Accepted: 10 December 2025

Published: 30 November 2025

**Corresponding author:*

Latifah Abdul binti Latiff
Pusat Pengajian Teras (PPT),
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM), Bandar Baru
Nilai, 71800, Nilai Negeri
Sembilan, Malaysia.
Email: latifah@usim.edu.my

Abstrak: Di Malaysia, masyarakat Arab berketurunan sayyid lazimnya dikaitkan dengan kegiatan dakwah dan penyebaran ajaran Islam. Penguasaan mereka terhadap ilmu-ilmu Islam telah menjadikan mereka tokoh yang berpengaruh dan dihormati dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu. Namun begitu, sumbangan mereka tidak terhad kepada penyebaran agama, pendidikan Islam dan mengeluarkan fatwa semata-mata, malah mereka turut memainkan peranan penting dalam pengurusan ibadah haji. Kajian ini bertujuan untuk meneroka peranan penting yang dimainkan oleh komuniti Arab keturunan sayyid dalam menguruskan hal ehwal jemaah haji dari Semenanjung Tanah Melayu. Secara khusus, kajian ini menyoroti sumbangan masyarakat Arab Hadhrami, terutamanya yang berketurunan sayyid sebagai pemudah cara dalam menguruskan urusan jemaah haji dari Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kajian kepustakaan dijalankan bagi menganalisis secara deskriptif data yang diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder. Dapatan kajian menunjukkan bahawa orang Arab Hadhrami keturunan sayyid mempunyai pengaruh besar dan berperanan penting dalam pengurusan Jemaah haji dari Tanah Melayu pada abad ke-19 dan abad ke-20. Mereka berperanan sebagai ejen haji, syekh al-hajj, broker, serta pembimbing haji (mutawwif) di Tanah Suci. Malah terdapat dalam kalangan komuniti sayyid, yang terlibat dalam industri perkapalan; menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan penginapan bagi jemaah haji yang dalam perjalanan ke Makkah. Ini menunjukkan bahawa orang Arab keturunan sayyid bukan sahaja aktif menyumbang kepada penyebaran ajaran Islam di rantau ini, malah mereka turut berperanan sebagai perantara transnasional antara wilayah Hijaz dan Alam Melayu.

Kata kunci: Sayyid, Arab Hadhrami, haji, ejen haji, mutawwif

Abstract: In Malaysia, Arabs of sayyid descent are commonly associated with dakwah activities and the propagation of Islam. Their mastery of Islamic knowledge has positioned them as influential and respected figures in various aspects of Malays' lives. In fact, their contributions extended beyond religious propagation, education and the issuance of fatwas as they also played a pivotal role in the administration of the pilgrimage (hajj). This study seeks to explore the significant role played by the Arab sayyid community in managing hajj affairs for pilgrims from the Malay Peninsula. Specifically, it aims to highlight the contributions of the Hadhrami Arab community, particularly those of sayyid lineage, as facilitators in organising pilgrimage logistics for Malay Muslims. Employing a qualitative research methodology, this study draws upon a descriptive analysis of data sourced from both primary and secondary literature. The findings indicate that Hadhrami Arabs of Sayyid descent exerted considerable influence and played key roles in managing pilgrims from the Malay Peninsula during the 19th and 20th centuries. They acted as hajj agents, sheikh al-hajj, hajj brokers, and pilgrimage guides (mutawwif). Some members of the Sayyid community were also involved in the shipping industry, providing transportation and accommodation services for pilgrims travelling to Makkah. This indicates that the Arab community of Sayyid descent not only actively contributed to the spread of Islamic in the region but also served as important transnational intermediaries linking the Hijaz and the Malay World (Alam Melayu).

Keywords: Sayyid, Hadhrami Arabs, hajj, hajj agent, mutawwif

Pengenalan

Hubungan sejarah antara Tanah Melayu dan dunia Arab merupakan jaringan transnasional yang telah terbina sejak awal penyebaran Islam di rantau Asia Tenggara. Sejak abad ke-15 Masihi, interaksi ini telah diperkukuhkan melalui aktiviti perdagangan, migrasi dan dakwah (Al-Attas, 1969; Ho, 2006). Imigran Arab dari wilayah Hadramaut, Yaman menjadi sumber utama migrasi komuniti Arab Hadhrami ke Alam Melayu. Golongan sayyid yang mendakwa berasal daripada keturunan Nabi Muhammad SAW mendapat tempat istimewa dalam masyarakat Melayu kerana hubungan darah mereka dengan baginda, keilmuan dan peranan mereka dalam menyebarkan Islam (Freitag, 2002; Latifah, 2013). Dalam kalangan masyarakat Melayu, ibadah haji bukan sahaja dianggap sebagai rukun Islam kelima, tetapi juga sebagai lambang pencapaian sosial, spiritual dan identiti keislaman. Pelayaran haji dari Tanah Melayu ke Tanah Suci merupakan satu pengalaman spiritual dan logistik yang kompleks. Jemaah haji Melayu lazimnya berangkat melalui pelabuhan utama seperti Singapura dan Pulau Pinang, menggunakan kapal dagang yang mengambil masa antara dua hingga tiga minggu untuk tiba di Jeddah (Majid, 1924; Yayasan Islam Pulau Pinang, 2017). Proses ini bukan sahaja menuntut pengorbanan kewangan dan fizikal, malah melibatkan risiko tinggi seperti penipuan dan terkandas di pelabuhan asing (Aiza, 2023).

Menunaikan ibadah haji pada era kolonial merupakan satu pengembaraan yang kompleks dan penuh cabaran serta memerlukan sokongan daripada jaringan sosial yang luas. Komuniti Arab Hadhrami, khususnya dari kalangan sayyid telah memainkan peranan mereka sebagai pemudah cara bagi umat Islam di Tanah Melayu yang ingin menunaikan ibadah haji (Roff, 1967). Namun begitu, peranan mereka sering kali dipinggirkan dalam historiografi Islam di rantau ini. Oleh itu, penulisan ini cuba untuk menelusuri secara ringkas peranan pelbagai lapisan komuniti Arab Hadhrami keturunan sayyid dalam memudah cara urusan jemaah haji dari Tanah Melayu sebelum tertubuhnya institusi rasmi seperti Tabung Haji (Aiza Maslan, 2020). Kajian ini penting bukan sahaja untuk memperkayakan wacana sejarah Islam di Alam Melayu, tetapi juga untuk memahami pembentukan jaringan sosial dan keagamaan transnasional yang membentuk landskap keagamaan, budaya dan politik umat Islam serantau khususnya di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Terdapat pelbagai kajian yang dijalankan meneliti penglibatan komuniti Arab Hadhrami dalam urusan agama dan pengurusan jemaah haji dari Tanah Melayu. Antaranya, Al-Attas (1969) melihat penghijrahan sayyid Hadhrami sebagai pembawa autoriti agama yang sah dalam konteks lokal. Status mereka sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW, serta kredibiliti dan penguasaan ilmu agama membolehkan mereka memegang peranan penting dalam institusi keagamaan seperti madrasah dan masjid sebagai guru agama (Azra, 2004). Kajian oleh Ho (2006) dalam *The Graves of Tarim* membincangkan tentang jaringan mobiliti dan salasilah keturunan yang membolehkan komuniti Arab Hadhrami menempatkan diri mereka di pelbagai kawasan termasuklah di Asia Tenggara. Mereka bukan sahaja terlibat dalam bidang dakwah, seperti menyebarkan ajaran Islam, tetapi juga dalam kegiatan ekonomi serta turut terlibat dalam gerakan reformis.

Kajian yang dilakukan oleh Latifah (2013, 2016a, 2016b) pula lebih tertumpu kepada konteks tempatan di Tanah Melayu dengan mengkaji peranan sosial, pendidikan dan keagamaan golongan sayyid Hadhrami. Beliau menekankan bahawa melalui jaringan perkahwinan, kedudukan ekonomi dan hubungan sosial, orang Arab Hadhrami telah memperkukuhkan kedudukan mereka dalam komuniti masyarakat Melayu. Latifah (2016b) juga turut menyentuh mengenai penglibatan orang Arab Hadhrami keturunan sayyid sebagai ejen haji dan mengendalikan urusan perjalanan jemaah haji dari pelabuhan-pelabuhan utama seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Manakala Roff (1969) dalam kajiannya mengenai asal usul nasionalisme Melayu, menegaskan bahawa urusan ibadah haji menjadi saluran penting bagi penyebaran pemikiran reformis dan pengukuhan solidariti Islam di Alam Melayu.

Aiza Maslan (2020) pula menganalisis transformasi pengurusan haji masyarakat Melayu daripada sistem tidak formal kepada sistem yang lebih tersusun melalui penubuhan institusi seperti Tabung Haji. Beliau menyorot bagaimana sebelum kewujudan Tabung Haji, masyarakat Islam sangat bergantung kepada ejen-ejen haji, terutamanya dari kalangan Arab Hadhrami. Kergantungan terhadap jaringan sosial dan agama menunjukkan bahawa golongan ini telah memainkan peranan penting dalam menjayakan ibadah haji orang Melayu.

Aiza Maslan (2013) juga turut mengkaji mengenai perjalanan orang Melayu menunaikan ibadah haji sebelum Perang Dunia Kedua. Penulisan beliau meneliti perjalanan yang mencabar dan berisiko bagi jemaah haji Melayu ke Makkah kerana keadaan kesesakan teruk di atas kapal serta faktor kebersihan yang teruk menyebabkan berlakunya

penularan wabak penyakit. Beliau turut melaporkan insiden kapal S.S. Jeddah yang hampir karam yang dimiliki bersama oleh pedagang Arab iaitu Syed Mohammad bin Ahmad al-Sagoff. Kajian lanjut boleh dilakukan untuk meneliti penglibatan keluarga al-Sagoff dalam industri perkapalan. Walaupun banyak kajian telah dijalankan mengenai peranan komuniti Arab Hadhrami dalam bidang ekonomi dan keagamaan, namun aspek pengurusan haji masih kurang diberi perhatian dalam naratif sejarah ibadah haji orang Islam di Malaysia.

Dalam penulisan Aiza (2014) *Haji and the Malayan Experience, 1860s - 1941*, beliau turut menyentuh penglibatan orang Arab sebagai syeikh haji. Pusat operasi utama mereka berada di Singapura, dan mereka merekrut bakal jemaah haji dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antara tokoh Arab terkenal yang terlibat sebagai syeikh haji atau ejen haji di Pulau Pinang pada pertengahan abad ke-19 ialah Syeikh Omar Basheer. Syeikh Omar Basheer (kadangkala ditulis Basyir) juga merupakan seorang pemimpin agama terkenal di Pulau Pinang. Menurut Aiza lagi aktiviti ibadah haji umat Islam di negara ini ini dipantau oleh penjajah British dan ia diletakkan di bawah pengawasan ketat biro perisikan politik.

Walaupun pelbagai kajian menyentuh peranan ekonomi dan keagamaan komuniti Arab Hadhrami, namun, aspek pengurusan ibadah haji yang melibatkan orang Arab keturunan sayyid jarang diketengahkan kepada umum. Kajian ini cuba mengisi kelompongan tersebut dengan memberikan tumpuan khusus terhadap peranan tidak rasmi yang dimainkan oleh komuniti Arab keturunan sayyid Hadhrami dalam memudah cara ibadah haji orang Melayu yang turut membentuk jaringan Islam transnasional antara benua.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan sejarah (historical content analysis). Reka bentuk ini dipilih kerana fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti dan menginterpretasi peranan serta penglibatan orang Arab keturunan Sayyid dalam konteks urusan jemaah haji dari Tanah Melayu. Kaedah utama pengumpulan data adalah kajian kepustakaan (library research) atau penyelidikan dokumen (documentary research). Pengumpulan data dilakukan terhadap sumber primer dan sekunder. Sumber primer ini merangkumi bahan asli seperti dokumen daripada British Foreign Office (FO) daripada The National Archive (TNA), London. Manakala sumber sekunder terdiri daripada buku ilmiah, jurnal akademik, tesis dan keratan akhbar berkaitan dengan sejarah haji dan peranan orang Arab keturunan sayyid dalam konteks urusan jemaah haji dari Tanah Melayu. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan deskriptif-interpretatif (descriptive-interpretive content analysis).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa orang Arab Hadhrami keturunan sayyid memainkan pelbagai peranan penting dalam urusan jemaah haji Melayu pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ejen haji juga dikenali sebagai syeikh haji atau broker haji. Mereka tidak hanya bertindak sebagai ejen haji yang mengurus perjalanan dan tempat tinggal, malah ada yang menjadi mutawwif. Menurut Kamus Dewan Perdana (DBP, 2020) mutawwif atau mutawif merujuk kepada orang yang membimbing dan menjadi rujukan kepada jemaah semasa mengerjakan haji atau umrah. Di pelabuhan-pelabuhan utama seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, keluarga sayyid seperti Aljunied, Al-Sagoff yang juga dikenali sebagai al-Saggaf dan Al-Attas berperanan sebagai perantara antara jemaah haji dari Tanah Melayu dengan struktur pentadbiran di Hijaz (Latifah, 2016b; Roff, 1967).

Ibadah haji memerlukan kos yang tinggi bukan sahaja kerana jarak perjalanan yang jauh, tetapi juga disebabkan oleh pelbagai keperluan perbelanjaan yang terlibat sepanjang proses tersebut. Bagi umat Islam di Alam Melayu perjalanan ke tanah suci Makkah lazimnya mengambil masa berbulan-bulan dan melibatkan pelayaran laut yang panjang dan berisiko. Kos yang diperlukan merangkumi tambang kapal, makanan, penginapan sementara di pelabuhan transit seperti Singapura, Jeddah atau Aden, serta bayaran kepada ejen haji dan mutawwif yang mengurus logistik dan keperluan rohani jemaah. Tambahan pula, setiba di Makkah para jemaah memerlukan tempat tinggal yang selamat dan sesuai untuk tempoh yang panjang. Ibadah haji bukan sekadar perjalanan spiritual, tetapi juga satu usaha ekonomi dan sosial yang kompleks (Latifah, 2016b).

Sebelum tertubuhnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1960-an, umat Islam di Tanah Melayu berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menguruskan perjalanan haji ke Hijaz. Pada ketika itu, tidak terdapat institusi rasmi yang mengendalikan hal ehwal haji orang Melayu secara sistematik. Dalam konteks ini, ejen haji daripada kalangan orang Arab keturunan sayyid, khususnya yang berasal dari Hadhramaut, memainkan peranan penting sebagai orang

tengah atau pemudah cara. Mereka bukan sahaja mengurus aspek teknikal perjalanan, tetapi turut menjadi penghubung antara komuniti Muslim di Tanah Melayu dengan dunia Islam di Timur Tengah. Peranan keturunan sayyid sebagai ejen haji mencerminkan hubungan erat antara mobiliti keagamaan dan jaringan sosial transnasional Islam. Dalam konteks ini, komuniti Hadhrami memainkan peranan penting sebagai penghubung antara jemaah dan sistem pengurusan haji di Hijaz. Mereka membentuk jaringan diaspora yang menguruskan penginapan, pengangkutan dan kebajikan jemaah melalui institusi wakaf dan rumah tumpangan di Makkah dan Jeddah (Yayasan Islam Pulau Pinang, 2017).

Keluarga sayyid seperti Al-Junied dan Al-Attas bukan sahaja dikenali sebagai saudagar dan dermawan, malah mereka turut berperanan sebagai ejen haji yang dipercayai. Mereka bertindak sebagai mutawwif, penasihat dan pelindung jemaah haji bagi memastikan kelancaran perjalanan para jemaah serta keselamatan mereka sepanjang berada di tanah suci Makkah. Menurut Roff (1982) kebanyakan syeikh haji adalah keturunan Arab. Mereka bergerak secara aktif di Semenanjung Tanah Melayu Malaysia dan juga di bahagian-bahagian lain di Alam Melayu untuk mencari bakal jemaah haji. Aktiviti mereka berpangkalan di Singapura. Aiza (2014), yang memetik daripada penulisan Roff (1982) mengatakan bahawa di Tanah Melayu, Singapura menjadi tempat pengumpulan jemaah haji sebelum bertolak ke Makkah. Berdasarkan surat yang dirujuk antara Singapura dan Bengal, dilaporkan seramai 83 jemaah haji meninggal pada tahun 1849 dalam perjalanan dari Jeddah ke Singapura. Kapal yang sama telah membawa 520 jemaah haji. Pada tahun 1864 Pulau Pinang telah menjadi pusat tumpuan kapal-kapal dari Singapura dan Indonesia sebelum berlepas ke tanah suci, Makkah (Mahani et al., 2018). Syeikh Omar Basheer merupakan antara ejen haji keturunan Arab yang terkenal di Pulau Pinang. Beliau merekodkan nama-nama kapal yang berlabuh dan berlayar dari Pulau Pinang, nama jemaah haji yang berdaftar di bawah perkhidmatan beliau dan kadar tambang yang dikenakan kepada para jemaah haji. Antara kapal yang memasuki pelabuhan Pulau Pinang ialah kapal-kapal milik orang Arab seperti Fatah al-Karim dan Air Tawar yang membawa jemaah haji dari Semarang, Indonesia. Menurut catatan beliau kapal Air Tawar dimiliki oleh Saiyyid Mohsin al-Jafri. Kadar tambang sehala ke Jeddah dari Pulau Pinang pada ketika itu ialah \$14. (Mahani et al., 2018).

Pada abad ke-20, penglibatan keturunan sayyid dalam perkhidmatan syeikh haji terus menonjol. Ramai yang memohon lesen sebagai broker haji seperti Syed Salleh bin Syed Hashim Alsagoff pada tahun 1928 di Kedah. Syeikh haji berlesen seperti Syed Shaikh b. S. Ahmad Almashoor, Syed Abbas A. R. Alhabshee dan Syed Ally b. S. A. Almnfashal yang beroperasi di Pulau Pinang pada tahun 1955. Syed Ali bin Syed Abdullah al-Mufathal yang lebih dikenali sebagai Syed Ali al-Mufathal merupakan syeikh haji terkenal sekitar tahun 1950-an. Beliau menguruskan jemaah dari Kelantan dan Selatan Thailand. Syed Ali al-Mufathal merupakan lepasan sekolah agama Dar Al-Ulum, Makkah. Beliau menjadi syeikh haji atas tawaran bapa mertuanya, Syed Ahmad Al-Mashoor (Mahani & Aiza, 2024). Syed Omar Syed Mohammad al-Saggaf yang dibesarkan di Pulau Pinang turut bekerja sebagai pembantu kepada Sheikh Hassan Jabir Damanhuri, seorang syeikh haji semasa beliau menuntut di Universiti Madinah pada tahun 1967. Syed Omar membantu menguruskan para jemaah haji yang baru tiba dari Tanah Melayu (Mahani et.al, 2018). Ejen Arab Hadhrami juga bertindak sebagai mutawwif, pentafsir budaya dan penjaga kebajikan jemaah. Mereka memahami keperluan rohani dan adat jemaah Melayu serta mampu berunding dengan pihak kolonial dan syarikat asing. Menurut Tagliacozzo (2009), ejen haji Arab Hadhrami sering menjadi penghubung antara dunia Melayu dan Hijaz menguruskan pasport, visa dan penginapan para jemaah. Peranan mereka menunjukkan bagaimana diaspora Hadhrami membina sistem sokongan transnasional yang kompleks, menggabungkan keagamaan, ekonomi dan diplomasi budaya dalam pengurusan haji maritim.

Pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20, pengurusan haji bagi jemaah dari Tanah Melayu telah mengalami perubahan besar akibat perkembangan teknologi maritim dan pengaruh kolonial (Freitag & Clarence-Smith, 1997). Dalam konteks ini, ejen haji Arab Hadhrami terutamanya daripada kalangan sayyid berperanan penting sebagai perantara. Mereka bukan sahaja menguruskan logistik perjalanan, malah turut menjalin kontrak dengan syarikat perkapalan Eropah bagi memastikan jemaah Melayu mendapat tempat dan perlindungan sewajarnya. Di Singapura dan Jeddah, tokoh seperti Sayyid Abu Bakar Al-Attas dan keluarga Al-Junied dipercayai menjadi wakil kepada syarikat perkapalan asing seperti British India Steam Navigation Company dan Rotterdamsche Lloyd, sebuah syarikat perkapalan Belanda (Al-Junied, 2009). Sayyid Ahmad bin Abdul Rahman al-Sagoff yang juga dikenali sebagai Nong Chik merupakan seorang jutawan Arab terkenal. Beliau telah membeli dua kapal yang dinamakan “Sri Mekah” dan “Sri Juddah” yang digunakan untuk mengangkut jemaah dari Kepulauan Melayu seperti dari pelabuhan di Singapura, Pulau Pinang dan Sumatera. Di luar musim haji, kapal-kapal ini digunakan untuk mengangkut barang dagangan (Yayasan Islam Pulau Pinang, 2017).

Lewat abad ke-19 turut menyaksikan peningkatan bilangan jemaah haji ke Makkah. Pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 dan penggunaan kapal wap telah mempercepatkan perjalanan ke Hijaz. Lewat abad ke-19 dan ke-20 juga turut menyaksikan pelayaran haji dari Tanah Melayu menggunakan kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh ejen arab tempatan dengan kerjasama syarikat perkapalan asing. Selain daripada kapal “Sri Mekah” dan “Sri Juddah”, para jemaah

haji daripada Tanah Melayu turut menggunakan kapal Tyndareus, iaitu sebuah kapal perang yang telah diubah suai dan digunakan khas untuk membawa jemaah dari Pulau Pinang pada tahun 1950 (The Star, 2025). Selain itu, kapal lain adalah seperti Anshun, Anking, Malaysia Kita dan Malaysia Raya juga digunakan pada tahun-tahun 1940-an hingga 1970-an (Mahani et al., 2018). Di peringkat tempatan, pelabuhan kecil seperti Kuala Kedah, Teluk Intan, Klang, Melaka dan Kuala Terengganu turut berfungsi sebagai pusat pengumpulan sebelum jemaah dipindahkan ke kapal antarabangsa. Manakala pelabuhan besar seperti Swettenham Pier di Pulau Pinang dan pelabuhan Singapura berperanan penting sebagai pelabuhan pelepasan utama untuk ke Makkah (FO 371/11436). Antara kapal asing yang menjalankan operasi mengangkut jemaah ke Hijaz ialah The Ocean Steam Ship Company Limited atau Blue Funnel Line yang ditubuhkan oleh Alfred dan Philip Holt pada tahun 1865. Syarikat ini menjadi pilihan utama jemaah haji dari Tanah Melayu. Menjelang 1928, lebih 85 peratus jemaah haji dari Tanah Melayu menggunakan perkhidmatan syarikat ini untuk ke Jeddah melalui pelabuhan Negeri-Negeri Selat (Freitag & Clarence-Smith, 1997).

Pada abad ke-18 perjalanan jemaah haji dari Tanah Melayu ke Makkah dipermudahkan dengan bantuan pihak Inggeris. Menurut Mahani dan Aiza (2024), sekalipun pendudukan Pulau Pinang pada tahun 1786 tidak sah dan tidak melibatkan sebarang perjanjian rasmi antara pihak-pihak yang terlibat, namun atas faktor ekonomi, hubungan perdagangan antara Syarikat Hindia Timur British (EIC) dengan negeri-negeri Melayu tetap berjalan dengan baik. Hubungan baik ini dimanfaatkan oleh pemerintah negeri-negeri Melayu dengan menjadikan Francis Light sebagai ejen tidak rasmi mereka bagi menguruskan perjalanan bakal jemaah haji dari Tanah Melayu ke Makkah. Light akan menyediakan “surat cap” atau surat pengesahan kepada setiap jemaah sebagai jaminan pengesahan perjalanan mereka ke Makkah. Para jemaah akan menaiki kapal-kapal Inggeris yang berlabuh di Pulau Pinang sebelum kapal tersebut belayar ke India. Setelah tiba di India, para jemaah akan dipindahkan ke kapal Inggeris atau kapal dagang lain yang menuju ke Makkah (Mahani dan Aiza, 2024).

Pada peringkat awal orang Melayu ke Makkah menggunakan kapal-kapal dagang yang dimiliki oleh individu-individu tertentu daripada beberapa buah negara (Roff, 1982). Pada ketika itu Aceh menjadi pelabuhan pusat pengumpulan jemaah sebelum berangkat ke Hadhramaut atau Jeddah (Aiza, 2014). Singapura, Melaka dan Pulau Pinang menjadi lokasi utama pengumpulan jemaah haji di Tanah Melayu. Pulau Pinang, khususnya George Town, berkembang sebagai pusat pengumpulan jemaah haji utama sehingga digelar sebagai “Jeddah kedua” (The Star, 2025). Kawasan Lebuah Aceh menjadi lokasi pendaftaran, penginapan sementara dan perhimpunan jemaah sebelum menaiki kapal di Swettenham Pier. Kawasan ini menjadi tumpuan kerana terdapat masjid, madrasah dan penempatan Arab yang menyediakan kemudahan logistik serta sokongan sosial. Tokoh penting seperti Sheikh Omar Basyir, yang turut dikenali sebagai Sheikh Omar, direkodkan sebagai seorang syeikh haji yang terkenal di Pulau Pinang yang menguruskan rombongan haji sebelum penubuhan Tabung Haji. Kajian yang dijalankan oleh Mahani dan Aiza (2024) menunjukkan bahawa ramai pemimpin Hadhrami tempatan berperanan sebagai syeikh haji, iaitu sebagai pendaftar jemaah, mutawwif dan pembimbing rohani. Kehadiran mereka bukan sahaja membantu kelancaran urusan jemaah haji, malah memberikan keyakinan kepada para jemaah untuk mengharungi perjalanan yang jauh dan mencabar.

Meskipun kos menunaikan ibadah haji tinggi, orang Islam tidak berputus asa dalam usaha mengumpul wang ke arah itu. Syarikat Al-Sagoff yang dimiliki oleh Sayyid Mohamed AlSagoff menguruskan Estet Konstantinople dan mengupah pekerja kontrak untuk tempoh tertentu. Para pekerja kontrak ini dijanjikan peluang untuk menunaikan ibadah haji. Syarikat Al-Sagoff menanggung semua kos perbelanjaan mereka menunaikan ibadah haji. Pada tahun 1880 terdapat lebih kurang 400 orang pekerja buruh bekerja di estet milik keluarga Al-Sagoff. Pada tahun 1889 seramai 200 orang bakal jemaah haji telah menandatangani kontrak bekerja di estet milik syarikat Al-Sagoff (Latifah, 2016b). Menurut Clarence-Smith (1997), pada tahun 1900 syarikat Al-Sagoff telah mengupah 200 orang pekerja buruh. Syarikat Al-Sagoff turut membawa pekerja-pekerja kontrak ini ke Makkah menunaikan ibadah haji menggunakan kapal mereka (Latifah, 2016b). Dilaporkan pada tahun 1914, Sayyid Muhammad b. Alawi al-Saqqaf seorang saudagar keturunan arab menetap di Makkah dan mempunyai hubungan dengan Singapura. Syarikat milik keluarga al-Saqqaf masih menguruskan agensi ibadah haji di Singapura pada tahun 1940 dan mereka juga turut mempunyai cawangan di Jeddah (Janet & Clarence Smith, 1997).

Pada pertengahan 1880-an firma al-Saqqaf dan Sayyid Masim (Muhsin) b. Salih al-Jifri merupakan dua syarikat perkapalan milik orang Arab yang masih beroperasi di Singapura (241). Selain daripada keluarga al-Saqqaf dan al-Jifri, keluarga al-Kaff dan al-Junayd (al-Junied) turut terlibat dalam bidang perkapalan. Manakala Sayyid Ahmad b. Abd al-Rahman al-Saqqaf yang mewarisi perniagaan Hajah (haji) Fatima setelah kematiannya, telah meluaskan perniagaan tersebut antaranya dengan memulakan perkhidmatan tetap mengangkut jemaah haji ke Jeddah pada tahun 1850-an. Aktiviti ini sekali gus telah menghubungkannya dengan kegiatan pelayaran Hadhrami di Laut Merah dan keluarga mereka di Hijaz. Singapura turut menjadi pusat utama aliran jemaah haji yang semakin pesat dari Asia Tenggara kerana pihak

Belanda telah mengehadkan jumlah jemaah haji dari Indonesia atas alasan politik. Menurut Clarence-Smith (2002), komuniti sayyid memanfaatkan situasi ini dengan menggunakan prestij keagamaan mereka untuk menguasai sebahagian besar daripada perniagaan yang menguntungkan ini. Sayyid Ahmad bin ‘Abd al-Rahman al-Saqqaf telah mendapatkan beberapa buah kapal wap bagi mengembangkan perniagaannya. Syarikatnya Singapore Steamship Company telah membawa jemaah haji ke Jeddah seawal tahun 1871 menggunakan kapal wap yang dikendalikan oleh kapten Eropah. Pada tahun 1874, syarikat tersebut memiliki empat buah kapal wap dan telah menghantar 3,476 orang jemaah haji ke Hijaz. Selepas kematian beliau pada tahun 1875, anaknya Sayyid Muhammad telah mengambil alih perniagaan keluarga (Clarence-Smith, 2002).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa orang Arab Hadhrami keturunan sayyid bukan sahaja memainkan peranan penting dalam aspek keagamaan dan sosial, tetapi juga berfungsi sebagai penghubung transnasional yang mengukuhkan jaringan Islam global. Peranan mereka dalam pengurusan jemaah haji Melayu memperlihatkan satu bentuk solidariti keagamaan yang unik berasaskan amanah, ilmu dan hubungan kekeluargaan. Ia juga menunjukkan bagaimana migrasi untuk tujuan keagamaan boleh membentuk ruang- sosial dan ekonomi baharu yang memberikan manfaat kepada komuniti Muslim serantau. Mereka bukan sahaja menyediakan perkhidmatan logistik dan kebajikan, tetapi turut menjadi pembimbing rohani kepada bakal jemaah haji dari Tanah Melayu. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran politik, ekonomi dan pentadbiran, mereka kekal relevan dalam jaringan sosial Islam transnasional. Dalam konteks sejarah sosial, penglibatan ini turut memberi kesan kepada pembangunan identiti keislaman di Alam Melayu. Ia menghubungkan pengalaman tempatan dengan arus pemikiran dan reformasi global yang berkembang di Timur Tengah. Melalui kajian sebegini, naratif sejarah Islam di Asia Tenggara perlu diperkaya dengan memahami jaringan agama dan ekonomi seperti ini yang melangkaui sempadan geografi dan budaya.

Rujukan

- Aiza Maslan @ Baharudin. (2013). Pelayaran haji orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. *Jurnal Sejarah*, 21(1), 41–64. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol21no1.2>
- Aiza Maslan @ Baharudin. (2014). Hajj and the Malayan experience, 1860s–1941. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 21(2), 79–98.
- Aiza Maslan. (2020). Dari tabung buluh ke Tabung Haji: Sejarah pengurusan dana ibadah haji masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 36(2), 45–60.
- Aiza Maslan. (2023). Isu tabungan orang Melayu dalam sejarah pengerjaan haji era kapal laut. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50 (2), 92-108. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/download/64755/14212>.
- Alatas, S. H. (1977). *The myth of the lazy native: A study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. London: Frank Cass.
- Aljunied, S. M. K. (2009). Colonialism, Islam and the Malay world: Connecting the Hadhrami diaspora. *Journal of Southeast Asian Studies*, 40(3), 463–486.
- Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'ulama' in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawaii Press.
- Bernama. (8 Jun 2025). George Town as the “second Jeddah.” *New Straits Times*. Diakses pada 25 September 2025 daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1227633/george-towns-lebuh-acheh-second-jeddah-immortalised-penang-haj-gallery>.
- Clarence-Smith, W. G. (1997). Hadhrami entrepreneurs in the Malay world, c.1750 to c.1940. In U. Freitag & W. G. Clarence-Smith (Eds.), *Hadhrami traders, scholars and statesmen in the Indian Ocean, 1750s–1960s* (pp.297-314). Leiden: Brill.
- Clarence-Smith, W. G. (2002). The Rise and Fall of Hadhrami Shipping in the Indian Ocean, c. 1750 – c. 1940. In David Parkin and Ruth Barnes (Eds.), *Ships and the Development of Maritime Technology in the Indian Ocean*. London: Routledge Curzon.

- Freitag, U., & Clarence-Smith, W. G. (Eds.). (1997). *Hadhrami traders, scholars and statesmen in the Indian Ocean, 1750s–1960s*. Leiden: Brill.
- Freitag, U. (2002). Arab merchants in Singapore. In H. de Jonge & N. J. G. Kaptein (Eds.), *Transcending borders: Arabs, politics, trade and Islam in Southeast Asia* (pp. 109–141). Leiden: KITLV Press.
- Ho, Engseng. (2006). *The graves of Tarim: Genealogy and mobility across the Indian Ocean*. University of California Press.
- Hodgson, M. G. S. (1974). *The venture of Islam: Volume 2. The expansion of Islam in the middle periods*. University of Chicago Press.
- Janet Ewald and William G. Clarence-Smith. (1997). The Economic Role of the Hadhrami Diaspora in the Red Sea and Gulf of Aden. In U. Freitag & W. G. Clarence-Smith (Eds.), *Hadhrami traders, scholars and statesmen in the Indian Ocean, 1750s–1960s* (pp. 281–296). Leiden: Brill.
- Latifah Abdul Latiff. (2013). Hadhrami Sayyids in Malaya, 1819–1940. *Jurnal Usuluddin*, 37, 67–94.
- Latifah Abdul Latiff, & et.al (2016a). Arab Hadhrami dan Arab Peranakan di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2), 19–37. https://www.academia.edu/37015836/Arab_hadhrami_dan_Arab_Peranakan
- Latifah Abdul Latiff. (2016b). *The roles and contributions of the Hadhrami Arabs in Malaya, 1819–1969*, Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Mahani Musa, Aiza Maslan, & Hajar Abdul Rahim. (2018). Penang’s hajj heritage: An oral history of the sea transportation era. *Kajian Malaysia*, 36(2), 147–164.
- Mahani Musa, & Aiza Maslan @ Baharudin. (2024). Penang, the hajj, and the role of hajj syeikhs, 1786–1977. *International Journal of Asia Pacific Studies*, 20(2), 87–116. Diakses pada 3 September 2025, daripada <https://ijaps.usm.my/wp-content/uploads/2024/08/IJAPS-202-2024-Art-4.pdf>.
- Majid Zainuddin, H. A. (1924). *A Malay pilgrimage to Mecca*.
- Report on the Hajj of 1344 A.H. (1926), FO 371/11436, TNA)
- Roff, W. R. (1967). *The origins of Malay nationalism*. Yale University Press.
- Slight, J. (2015). *The British Empire and the Hajj, 1865–1956*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Tagliacozzo, E. (2013). *The longest journey: Southeast Asians and the pilgrimage to Mecca*. Oxford University Press.
- The Star. (2025, 8 Jun). Penang Haj Gallery traces early stories of pilgrims journeying to the Holy Land. Diakses pada 25 September 2025, daripada <https://www.thestar.com.my/lifestyle/2025/06/08/penang-haj-gallery-traces-early-stories-of-pilgrims-journeying-to-the-holy-land>.
- Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP). (2017, 4 Ogos). Galeri Haji papar sejarah pelayaran ke Mekah. Diakses pada 15 September 2025, daripada <https://yipp.gov.my/2017/08/04/galeri-haji-papar-sejarah-pelayaran-ke-mekah>.